

Radium Development Berhad lancarkan laluan berbumbung guna tenaga solar

Oleh Nurin Abdullah

KUALALUMPUR: Radium Development Berhad, sebuah pemaju hartanah terkemuka di Lembah Klang, secara rasmi melancarkan laluan berbumbung sepanjang 350 meter yang menggunakan tenaga solar di Bangunan Tun Tan Siew Sin, Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT), baru-baru ini.

Laluan berbumbung sepanjang 350 meter ini menghubungkan stesen LRT Taman Melati dengan kampus Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT).

Projek infrastruktur ini, yang menelan kos sebanyak RM600,000 dan siap pada penghujung November 2024, bertujuan meningkatkan aksesibiliti dan keselamatan pejalan kaki untuk para pelajar, pensyarah, serta penduduk sekitar di Taman Melati dan Setapak.

Laluan ini bukan sahaja memberi perlindungan daripada cuaca, tetapi juga selari dengan matlamat mesra alam melalui penggunaan



SOKONGAN: (Dari kiri) Dr Lee, Dr Maimunah; Gary Gan dan Chai Woon Hou, Pengarah Eksekutif Radium Development Berhad semasa majlis perasmian laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT) ke stesen LRT Taman Melati.

tenaga solar.

Majlis pelancaran telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), TAR UMT, CSR Malaysia dan Radium Development Berhad, mencerminkan usaha bersama yang kukuh ke arah pembangunan bandar yang mampan dan inklusif.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Seri TPr. Dr. Maimunah binti Mohd Sharif

telah merasmikan pelancaran tersebut, sambil menekankan keselarasan projek ini dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040).

Beliau menyifatkan laluan ini sebagai contoh kerjasama berkesan antara sektor awam dan swasta.

“Projek infrastruktur seperti laluan berbumbung ini adalah penting untuk mencapai matlamat yang digariskan dalam PSKL 2040,

yang membayangkan sebuah bandar yang berhubung, berdaya tahan, dan berfokus kepada rakyat, iaitu ‘Bandar untuk Semua’,” katanya.

“DBKL amat menyokong kerjasama bermakna dengan rakan sektor swasta seperti Radium Development Berhad, yang berkongsi visi kami untuk sebuah Kuala Lumpur yang mesra rakyat dan berhubung baik.”

Pengarah Urusan Kumpulan Radium, Datuk Gary Gan Kah Siong, turut menyuarakan sentimen yang sama, dengan menekankan komitmen syarikat terhadap pembangunan berteraskan komuniti melalui falsafah ‘Building Good’.

“Sebagai pemaju, kami percayakepada pembangunan yang bertanggungjawab dan responsif iaitu untuk mendengar, memahami dan bertindak demi manfaat sebenar kepada komuniti,” katanya.

“Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk memastikan infrastruktur benar-benar berkhidmat kepada mereka yang paling memerlukannya.”

Pada tahun 2023, pemaju ini telah melancarkan skim Pinjaman Pelajar TARC-Radium Care, yang menawarkan pinjaman tanpa faedah kepada pelajar yang layak dan memerlukan bantuan kewangan.

Radium telah berikrar sebanyak RM500,000 kepada tabung ini dalam tempoh lima tahun, dan setakat ini, empat pelajar telah menerima manfaat daripada program tersebut.

Presiden TAR UMT, Profesor Dato' Indera Ir. Dr. Lee Sze Wei, menzahirkan penghargaan terhadap sokongan Radium, sambil menyifatkan laluan tersebut sebagai satu peningkatan yang ketara dalam kehidupan seharian di kampus.

“Laluan berbumbung ini lebih daripada sekadar struktur fizikal kerana ia meningkatkan keselamatan, kemudahan dan aksesibiliti untuk para pelajar, kakitangan dan komuniti sekitar. Kami berterima kasih kepada Radium atas usaha berterusan mereka untuk mencipta impak yang positif dan berkekalan,” katanya.